



KEMENTERIAN Pendidikan Tinggi gembira dengan peruntukan sebanyak RM2.4 billion kepada UiTM ke arah meningkatkan bilangan profesional bumiputera.

Belanjawan Kementerian Pendidikan Tinggi meningkat bagi tahun 2018

Bajet Soaring Upwards

■ KUALA LUMPUR 5 NOV.

PENINGKATAN peruntukan bagi Kementerian Pendidikan Tinggi dalam Bajet 2018 disifatkan sebagai keprihatinan kerajaan terhadap pembangunan pendidikan tinggi negara.

Menerusi Bajet 2018 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini, peruntukan untuk Kementerian Pendidikan Tinggi meningkat sebanyak 13.15 peratus berbanding Bajet 2017.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, dalam Bajet 2018, kementeriannya menerima peruntukan sebanyak RM19.89 billion, meningkat daripada RM12.28 billion berbanding sebelumnya.

"Jutaan terima kasih kepada Perdana Menteri dan kerajaan kerana terus memberikan perhatian kepada Kementerian Pendidikan Tinggi dalam Bajet 2018 yang disifatkan sebagai Bajet Soaring Upwards (peningkatan berterusan).

"Bajet kali ini jelas menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap pembangunan pendidikan tinggi negara yang dilihat semakin meningkat dari segi pencapaian mahupun peningkatan di peringkat antarabangsa melalui penarafan dalam QS World University Ranking," katanya.

Tambahnya, ekosistem penyelidikan negara terus diberikan sokongan apabila menerusi Bajet 2018, peruntukan bagi bidang penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R,D&C) meningkat hampir dua kali ganda kepada RM400 juta berbanding RM235 juta pada 2017.

"Peruntukan ini dilihat boleh meningkatkan kecermerlangan institusi pendidikan tinggi di negara ini terutamanya dalam bidang R,D&C yang akan memacu ekonomi negara ke arah Revolusi Industri (IR4.0).

"Malah peningkatan peruntukan itu juga akan membantu Universiti Malaya mencapai kedudukan 100 universiti terbaik dunia dalam jangka masa terdekat."

"Kementerian Pendidikan Tinggi juga begitu berbangga apabila Future Centre di Cyberjaya akan diperkuatkannya sebagai pusat sehtii syarikat korporat dan universiti untuk membangunkan prototipe produk serta melonjakkan daya inovasi," katanya.

Tambah Idris, bagi menyediakan modal insan yang berpengetahuan tinggi dan benovatif, pihaknya juga berterima kasih atas peruntukan biasiswa mela-

lui program MyBrain15 berjumlah RM900juta yang memberi manfaat kepada 10,600 pelajar untuk melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah sarjana dan kedoktoran.

"Kerajaan juga telah bersetuju untuk melaksanakan kursus sarjana dan doktor falsafah (PhD) secara *in-house* bagi memastikan pembelajaran sepanjang hayat pegawai perkhidmatan awam demi melahirkan penjawat awam yang berilmu dan berpendidikan tinggi," katanya.

Turut disentuh dalam Bajet 2018 ialah berkaitan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) apabila peruntukan tambahan pinjaman sebanyak RM200 juta untuk pelajar kumpulan B40 bagi program yang mempunyai kebolehpasaran tinggi untuk pulangan ekonomi pada masa depan.

Berita baik mengenai PTPTN dalam bajet kali ini termasuk diskaun sebanyak 20 peratus bagi menyelesaikan penuh hutang, 10 peratus diskaun untuk bayaran sebanyak 50 peratus hutang dan ansuran bulanan melalui potongan gaji dan *direct debit*.

Tarikh mula bayar semula pinjaman juga dipanjangkan dari enam bulan kepada 12 bulan selepas tamat pengajian. Peminjam yang meneruskan pengajian ke peringkat seterusnya dengan tajaan PTPTN juga boleh menggabungkan pinjaman dan membuat bayaran balik pinjaman selepas tamat pengajian.

Turut diteruskan adalah pembelian Insentif Pelepasan Taksiran Cukai sehingga RM6,000 sehingga tahun 2020 bagi pencarum Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN). Juga, Insentif Geran Se padan RM500 sebanyak RM250 juta, khusus bagi anak-anak berumur tujuh hingga 12 tahun bagi simpanan terkumpul sehingga RM500 dalam akaun SSPN yang hanya boleh dikeluarkan setelah berumur 18 tahun.

Jelas Idris, Kementerian Pendidikan Tinggi menyambut baik peruntukan sebanyak RM40 juta bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan dan pemerkasaan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dan juga Skim Latihan 1Malaysia (SLIM).


"Peruntukan ini akan dapat memberi manfaat kepada 25,000 graduan supaya mereka akan lebih bersedia menempuh alam pekerjaan. Peruntukan itu juga akan membolehkan seramai 3,000 golongan profesional dilatih melalui penubuhan National Rail of Excellence dengan kerjasama institut pengajian tinggi awam



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



Bajet kali ini jelas menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap pembangunan pendidikan tinggi negara yang dilihat semakin meningkat dari segi pencapaian mahupun peningkatan di peringkat antarabangsa melalui penarafan dalam QS World University Ranking."

IDRIS JUSOH
Menteri Pendidikan Tinggi

IDRIS JUSOH melihat anak pokok lada yang dipamerkan sebelum melancarkan Penyelidikan Translasiional: Projek Penyelidikan Lada Sarawak & Pembangunan Ladang Penyelidikan & Komuniti di Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu, Sarawak baru-baru ini. Menerusi Bajet 2018, ekosistem penyelidikan negara terus diberikan sokongan apabila peruntukan bagi bidang R,D&C meningkat kepada RM400 juta berbanding RM235 juta pada 2017.

(IPTA)," katanya.

Menurutnya, kementerian gembira dengan beberapa peruntukan termasuklah peruntukan sebanyak RM2.4 billion kepada Universiti Teknologi Mara (UiTM) ke arah meningkatkan bilangan profesional bumiputera.

"Sebagai pengiktirafan kepada kapakaran institusi pendidikan tinggi, Institut Kajian Etnik

Universiti Kebangsaan Malaysia (KITA-UKM) dinaittaraf sebagai institusi kebangsaan yang menyelaras pendidikan sosioekonomi peringkat nasional dan mewujudkan indeks sosial negara.

"Kementerian Pendidikan Tinggi juga akan terus komited dalam usaha meningkatkan enrolmen pelajar India ke IPTA yang disasarkan sebanyak tujuh per-

tus. Bantuan RM3,000 juga akan diperuntukan kepada anak-anak Orang Asli yang berjaya memasuki institusi pengajian tinggi (IPT)," katanya.

Selain itu, katanya, kerajaan bersetuju mengekalkan pembelian Bantuan Baucar Buku sebanyak RM250 untuk setiap penuntut IPT dan Tingkatan 6 berjumlah 1.2 juta pelajar, bertujuan untuk

menampung kos pengajian.

"Menerusi sokongan kerajaan melalui Bajet Soaring Upwards ini, Kementerian Pendidikan Tinggi amat komited dalam usaha bertenaga dalam meningkatkan kualiti pendidikan tinggi negara ke arah mencapai Transformasi Nasional 2050 (TN50), selain memastikan Malaysia akan terus Soaring Upwards," katanya.



PENINGKATAN peruntukan bagi bidang R,D&C dalam Bajet 2018 juga dijangka dapat membantu Universiti Malaya mencapai kedudukan 100 universiti terbaik dunia dalam jangka masa terdekat.



KEMENTERIAN Pendidikan Tinggi menyambut baik peruntukan sebanyak RM40 juta bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan dan pemerkasaan TVET.